



Submission date: 06/03/2021 Accepted date: 03/08/2021

DOI: 10.33102/abqari.vol24no2.378

PEMIKIRAN POLITIK ISMAIL RAJI AL-FARUQI DI DALAM KARYA ISLAMISASI ILMU DAN TAWHID

The Political Thought of Ismail Raji Al-Faruqi in the Writings of Islamization of Knowledge and Tawhid

Ariff Aizuddin Azlan

Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi,
Universiti Teknologi MARA

ariffaizuddin@uitm.edu.my

Abstract

As a scholar of Islam, Ismail Raji Al-Faruqi has made great contributions especially in the field of philosophy, theology, education, and thought. Provided with a vast knowledge of Islamic tradition and Western, his ideas have impacted the academic world crossing the disciplines. Al-Faruqi also went further by transforming his ideas into a decisive practice especially when he co-founded the International Institute of Islamic Thought (IIIT) as a symbol that showcases the relevance of the methodology of Islamic education. Two of his significant writings which are the Islamization of Knowledge: General Principles and Work Plan and Al-Tawhid: Its Implications for Thought and Life have become one of the major references in the field of Islamic studies. By referring these two writings, this study argues that, Al-Faruqi's view on politics is inevitable and he presented his political thought by establishing a substantial connection between Islam and politics. Besides that, Al-Faruqi also acknowledges the discipline of political science by arguing that such discipline is critical in assessing the problematic situation that the Muslim world is currently facing. Just like other Muslim political thinkers, Al-Faruqi also did not dismiss the important facts that the concept of khilafah is profoundly central to Islam and politics.

Keywords: Islamization, Ismail Raji al-Faruqi, Islamic Thought, Politics, Khilafah.

Abstrak

Sebagai seorang ilmuwan Islam, Ismail Raji Al-Faruqi telah menyumbang sebahagian besar di dalam bidang falsafah, teologi, pendidikan dan pemikiran. Dibekalkan dengan ilmu pengetahuan Islam dan Barat yang meluas, idea beliau telah memberikan kesan ke atas dunia akademik yang melangkaui disiplin. Al-Faruqi juga berjaya mengubah ideanya kepada bentuk yang lebih praktikal terutama sekali apabila beliau menubuhkan Institut Antarabangsa Pemikiran Islam (IIIT) sebagai satu simbol yang mempamerkan kerelevan metodologi pendidikan Islam. Dua karya beliau yang signifikan iaitu Islamisasi Ilmu: Prinsip Umum dan Rangka Kerja dan Al-Tawhid: Implikasi Ke Atas Pemikiran dan Kehidupan telah menjadi salah satu daripada rujukan utama di dalam bidang pengajian Islam kontemporari. Merujuk kepada kedua-dua karya ini, kajian ini berhujah bahawa pandangan Al-Faruqi terhadap politik tidak dapat dielakkan dan beliau mempersempit pemikiran politik beliau dengan menghasilkan satu hubung kait yang kukuh di antara Islam dan politik. Selain itu, Al-Faruqi juga memperakui bahawa disiplin seperti Sains Politik adalah bersifat kritikal di dalam usaha untuk menilai situasi bermasalah yang melanda dunia Islam pada masa kini. Seperti pemikir politik Islam yang lain, Al-Faruqi juga tidak mengabaikan kepentingan konsep khilafah yang dilihat selari dengan Islam dan politik.

Kata kunci: Islamisasi, Ismail Raji al-Faruqi, Pemikiran Islam, Politik, Khilafah.

PENDAHULUAN

Di dalam dunia falsafah Islam kontemporari, nama seperti Ismail Raji Al-Faruqi sememangnya tidak asing lagi. Sumbangan beliau di dalam bidang falsafah, teologi, pendidikan, dan pemikiran Islam ternyata memberikan impak yang merentasi garis sempadan kebenuaan. Berbekalkan ilmu falsafah Islam dan Barat yang tinggi, beliau seterusnya meletakkan pemikiran beliau ke dalam bentuk yang bersifat lebih praktikal dengan menubuhkan Institut Antarabangsa Pemikiran Islam (International Institute of Islamic Thought/IIIT) yang berpusat di Virginia, Amerika Syarikat pada tahun 1981. Sehingga ke hari ini, institut tersebut telah melahirkan ramai pemikir yang mampu untuk melestarikan agenda kefalsafahan khususnya untuk penambahbaikan kualiti umat Islam secara dasarnya. Legasi pemikiran Al-Faruqi sering kali diberikan nafas keintelektualan oleh para sarjana yang ingin berkecimpung di dalam bidang pengajian Islam dan juga falsafah. Peninggalan karya-karya beliau juga kerap kali diulas dan di bahas secara ilmiah oleh para sarjana untuk mencari titik pertemuan yang mungkin boleh dijadikan sebagai satu sandaran umum. Tidak kurang juga Al-Faruqi dilihat sebagai seorang tokoh pemikir yang selalu menganjurkan dialog di antara agama untuk mewujudkan suasana keharmonian di dalam kerangka kemajmukan agama.

Menurut F. Peter Ford, melalui pengalaman peribadi Al-Faruqi sendiri sebagai seorang Muslim Palestin yang sering kali ditindas, Al-Faruqi sentiasa membantu rakan seagamanya untuk menegakkan prinsip-prinsip kepercayaan yang boleh diselaraskan dengan sudut pandang dunia moden (Ford 1993: 268). Dalam erti kata lain, kualiti kesarjanaan Al-Faruqi sememangnya diakui dan diiktiraf di mana beliau menjadi penggerak utama terhadap usaha untuk mewujudkan satu identiti baru dan alternatif terhadap sebahagian umat Islam yang masih lagi terperangkap dari aspek jurang perbezaan antara peradaban itu.

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk memposisikan pemikiran politik Al-Faruqi dengan merujuk kepada dua karya utama beliau yang bertajuk *Islamization of Knowledge: General Principles and Work Plan* dan *Al-Tawhid: Its Implications for Thought and Life*. Karya tersebut memberikan impak yang sangat besar di dalam sistem pendidikan dan juga metodologi yang boleh diguna pakai di dalam disiplin sains sosial seperti sains politik, pendidikan Islam, falsafah dan sebagainya. Kajian ini berhujah bahawa karya Islamisasi ilmu dan Tawhid yang dihasilkan oleh Al-Faruqi secara tidak langsung membahaskan tentang keberadaan politik itu dengan menyisipkan beberapa pengalaman luar yang dilihat agak signifikan untuk mencerapkan pemahaman yang tidak berbelah bahagi terhadap proses pembangunan politik itu sendiri. Kajian ini adalah signifikan di mana ia adalah satu percubaan awal untuk menukarkan perspektif politik Al-Faruqi dengan menyelitkan naratif yang ditawarkan oleh beliau di dalam karya yang memberikan nilai tambah kepada Islamisasi ilmu yang dilihat mampu untuk memacu sebuah gagasan pendidikan Islam yang bermula dari sudut epistemologi itu sendiri. Kajian ini mengandaikan bahawa nomenklatur politik yang diposisikan oleh Ismail Raji Al-Faruqi adalah satu prasyarat utama yang membimbing dan memandu perbahasan Islamisasi ilmu.

ISLAM DAN POLITIK: PANDANGAN KONSEPTUAL

Persoalan fundamental yang ingin dibangkitkan di sini adalah apakah itu Islam dan apakah itu politik? Persoalan teoritikal di dalam seksyen ini ingin melihat sejauh manakah kedua-dua konsep tersebut bersifat mesra di antara satu sama lain. Islam dan politik mempunyai hubung kait yang sangat rapat. Islam adalah agama yang diwahyukan manakala politik pula difahami sebagai penjajaran ‘kuasa’. Adalah menjadi tanggungjawab pemikir untuk memastikan penyetaraan kedua-dua konsep ini di dalam ruang lingkup yang disokong dengan hujah intelektual. Diertikan sebagai satu gaya kehidupan, Islam juga merangkumi dan menyumbang kepada dimensi dan paradigma perubahan politik itu sendiri. Malah Islam sebagai satu agama yang syumul disebarluaskan dari satu generasi ke satu generasi yang lain melalui politik yang dianggap sebagai agen penyebaran Islam yang paling dominan kerana politik tidak hanya terhad kepada sistem berkerajaan dan pentadbiran sahaja dan ia merangkumi pelbagai aspek kehidupan manusia seperti ekonomi, pembangunan, hubungan antarabangsa,

sejarah, sosiologi kemasyarakatan, dasar awam dan sebagainya. Perbahasan mengenai hubungan di antara Islam dan politik ini tidak pernah menemui titik tamat. Sarjana di dalam pelbagai bidang kerap kali membahaskan hubungan tersebut dengan mempersempitkan hujah-hujah yang dianggap relevan untuk menyokong pemerhatian empirikal dan dapatan kualitatif mereka. Ulama'-ulama' silam juga tidak kurang cenderungnya untuk memposisikan politik itu dari sudut pandang mereka kerana pada zaman mereka politik ini bukanlah satu perkara yang tidak perlu diberikan perhatian yang meluas kerana pengalaman politik mereka itu berbeza mengikut peredaran zaman dan secara tidak langsung mereka merasa terpanggil untuk memperbetulkan semula naratif mengenai politik dengan menilai kembali pendekatan politik itu dan diselaraskan dengan norma-norma Islam.

Seperti Al-Ghazali, tokoh besar yang dikenali sebagai hujat al-Islam, memuatkan naratif tentang politik itu ke dalam beberapa buah karya beliau seperti *Fada'ih al-batinayah wa Fada'il al-Mustazhiriyyah*, *al-Iqtisad fi al-i'tiqad*, *Ihya' 'ulum al-din*, dan *Nasihat al-muluk* (Kamaruddin 2004: 114). Perspektif politik Al-Ghazali tertumpu kepada konsep kepimpinan (imamah) di mana seseorang pemimpin politik yang ideal itu perlulah memenuhi beberapa kriteria yang ditetapkan dan konsep seperti keadilan perlulah diawasi. Sebahagian besar pendapat politik Al-Ghazali memberikan tumpuan sepenuhnya terhadap kriteria khusus yang akan membentuk sifat kepimpinan politik seseorang individu itu. Di dalam *Ihya' 'ulum al-din*, Al-Ghazali menegaskan tentang peranan utama yang perlu dimainkan oleh rejim kesultanan di mana pemimpin pentadbiran dan politik seperti Sultan bertanggungjawab untuk memastikan kebajikan orang awam terpelihara. Selain itu, ahli falsafah Islam seperti Al-Farabi pula mempunyai pendekatan yang berbeza terhadap politik. Al-Farabi memposisikan pemikiran politik nya dengan menggunakan pendekatan kefalsafahan yang bersifat saintifik. Di dalam *Ihsa' al-Ulum*, Al-Farabi berhujah bahawa falsafah atau sains terdiri daripada dua bahagian iaitu falsafah teoretikal dan falsafah praktikal (Najjar 1958: 94). Falsafah teoretikal membekalkan ilmu terhadap perkara yang tidak boleh kita lakukan dan ubah dan ia kekal dikenali sebagai objek ilmu itu sahaja. Falsafah praktikal pula membekalkan ilmu khusus terhadap perkara yang kita ketahui dan boleh berbuat sesuatu terhadap perkara itu. Falsafah praktikal ini dikenali sebagai falsafah politik atau sains politik. Bagi Al-Farabi, politik itu dihadkan kepada pertimbangan di atas tingkah laku dan sifat murni sekumpulan orang ramai di dalam kumpulan sosial. Al-Farabi meneruskan lagi dengan melihat politik ini sebagai teras utama yang membawa kepada kesedaran di dalam kebahagian seseorang individu itu melalui agen politik bersekutu seperti wilayah dan negara. Pendapat Al-Farabi mengenai politik secara tidak langsung membuka ruang kepada aspek pemahaman sosiologi untuk bertapak kerana ianya melibatkan rantaian masyarakat yang luas. Penjelasan kefalsafahan yang diberikan oleh Al-Farabi terhadap hubungan di antara Islam dan politik boleh dikesan apabila

beliau menyatakan bahawa Islam ini bukan hanya setakat persoalan kepercayaan semata-mata malah Islam juga memperkenalkan undang-undang shari'ah yang diturunkan oleh Tuhan melalui Nabi-Nabi yang diutuskan. Melalui perundangan itu juga, ia berhasil untuk membentuk sebuah orde politik yang lengkap.

Saintis politik Muslim seperti Abdul Rashid Moten (1993) menghubungkaitkan konsep politik dan Islam dengan berhujah bahawa intipati politik itu adalah satu usaha untuk mencapai kehidupan yang baik dan kehidupan yang berteraskan penyembahan dengan harapan untuk mendapatkan keredhaan Allah s.w.t. dan dengan itu politik secara tidak langsung menjadi sebahagian daripada Islam. Beliau menambah bahawa empat daripada lima rukun Islam iaitu menunaikan solat, berpuasa, memberi zakat, dan menunaikan haji adalah sepadan dengan idea yang mempromosikan perpaduan di kalangan penganut agama Islam dan rukun Islam tersebut tidak semestinya meningkatkan aspek kerohanian semata-mata kerana ia juga membawa kepada implikasi sosio-ekonomi dan signifikan politik yang tersendiri. Dengan ini Islam dilihat sebagai satu posisi yang mendominasi dan politik hanya dijadikan sebagai kenderaan yang telah ditetapkan destinasi tujuannya. Di dalam Islam, tidak ada kuasa yang membatasi peranan Tuhan. Manusia hanya dilantik sebagai khalifah yang bertanggungjawab untuk mengelola segala urusan orang ramai dengan merujuk kepada Quran dan Sunnah Nabi Muhammad s.a.w. Oleh itu, Islam menetapkan politik itu sebagai satu instrumen yang digunakan untuk mencapai objektif kuasa dan kuasa tersebut akan digunakan ke atas jalan yang direhdai Allah. Politik di dalam Islam cenderung untuk menggantikan kejahanatan itu dengan kebaikan.

Saintis politik Barat seperti Harold Lasswell dan David Easton mendefinisikan politik sebagai satu kajian terhadap pengaruh dan juga persoalan rasional seperti siapa dapat apa, di mana, dan bila (Moten 1990). Sarjana melihat definisi tersebut dengan intonasi konsepsual instrumentalis yang bersandarkan kepada logik akal semata-mata tanpa melakukan perhitungan epistemologikal. Perspektif konvensional terhadap politik sememangnya diolah mengikut acuan Barat yang tersendiri di mana fokus utama dikhususkan kepada masyarakat tertentu dan tidak bersikap universal sepertimana pengoperasian politik yang ditegaskan oleh Islam. Walaupun politik itu boleh ditafsirkan sebagai satu seni pemerintahan, namun perspektif Islam dan Barat dilihat agak berlawanan terutama sekali mengenai tujuan asal politik itu. Politik di dalam Islam berorientasikan tujuan yang tidak terhad hanya di muka bumi sahaja. Prestasi kehidupan manusia diukur dari semasa ke semasa dan setiap kali mereka menganjurkan kebaikan di muka bumi ini maka akan diberikan ganjaran yang setimpal dengan prestasi mereka semasa hidup di dunia. Ini membawa kepada pemahaman bahawa orientasi politik Barat jelas menunjukkan bahawa tidak ada sebarang perakuan terhadap kehidupan selepas kematian kerana objektif utama mereka adalah untuk meraih kuasa yang bersifat sementara.

Pemikir dan ulama' besar seperti Fakhr al-Din al-Razi juga bersetuju bahawa tanpa pembabitan organisasi sosio-politik, seseorang itu tidak akan sampai ke destinasinya. Destinasi yang dimaksudkan di sini adalah keredhaan Allah s.w.t terhadap pencapaian umatnya semasa hidup di dunia. Tujuan utama sosialisasi sesama manusia itu akan menjadikan kebertanggungjawaban seseorang insan itu menjadi lebih tinggi. Dan ini diikuti dengan beberapa kriteria seperti jujur, ikhlas dan amanah di dalam melaksanakan urusan dunia demi untuk mendapatkan 'tempat' yang bersesuaian dengan prestasi yang dipamerkan. Pemikir kontemporari seperti Sayyid Abul A'la Mawdudi berpendapat bahawa objektif utama negara Islam itu tidak hanya terikat kepada usaha untuk mengekalkan keamanan dan juga meningkatkan gaya hidup penduduk tetapi ia lebih mirip kepada implementasi segala jenis pembaharuan program mengikut garis-garis yang telah ditetapkan oleh Islam dan tujuan utama negara Islam ini adalah sekadar satu usaha untuk merealisasikan kerohanian di dalam organisasi manusia. Oleh yang demikian, kedudukan politik di dalam Islam ini adalah terhad dan selagi mana kepatuhan itu diawasi sebaik mungkin tanpa melanggari nilai-nilai shariah maka politik itu dibolehkan untuk beroperasi mengikut konteks kenegaraan itu. Dari sudut pandang Islam sememangnya jelas menghujahkan bahawa tidak ada ruang yang membenarkan politik untuk beroperasi tanpa mengambil kira petunjuk yang diwahyukan.

Malah terdapat juga isu berbangkit seperti kerelevan demokrasi di dalam Islam di mana sejauh manakah persoalan kepadanan demokrasi dan Islam itu dititik beratkan sama ada di dalam suasana yang harmoni atau tidak. Sarjana Mesir seperti Rifa'ah Tantawi (1801-1873), seperti yang dihujahkan, adalah sarjana Islam pertama yang berkempen secara langsung terhadap integrasi dan penyatuan di antara Islam dan demokrasi (Jawad 2013). Rifa'ah menyatakan bahawa tidak ada masalah untuk meminjam nilai-nilai yang wujud di dalam kerangka demokrasi selagi mana peminjaman nilai itu tidak bercanggah dengan Islam itu. Dari semasa ke semasa, kebanyakan sarjana mula mencari titik persamaan dan bertungkus-lumus untuk memurnikan pemikiran politik demokrasi acuan Barat dengan menerapkan elemen-elemen Islam di dalamnya. Menyokong hujah Rifa'ah, sarjana seperti Muhammad Abdurrahman (1849-1905) kelihatan obses untuk memastikan keselarian di antara demokrasi dan nilai-nilai Islam yang merangkumi komuniti Islam. Abdurrahman meletakkan kesamaan shura itu sebaris dengan demokrasi yang dibentuk melalui pemahaman Barat. Rashid Ghannouchi juga tidak ketinggalan untuk menghubungkan demokrasi dan kemajmukan (pluralism) di dalam konteks kemasyarakatan. Sebagai seorang yang agak berpengaruh di dalam pemikiran kontemporari politik Islam, Ghannouchi meletakkan satu batu asas kepercayaan terhadap sistem demokrasi kerana baginya demokrasi itu adalah satu solusi yang mampu menyekat gejala korupsi dari merebak ke akar umbi masyarakat dan demokrasi itu dianggap sebagai satu benteng yang akan menyekat monopoli kekuasaan itu seperti mana yang sedang dialami di dalam konteks

negara-negara Arab pada waktu itu. Malah fenomena revolusi sosio-politik besar-besaran seperti Musim Luruh Arab atau dikenali sebagai Arab Spring yang berlaku pada hujung tahun 2010 yang bermula di Tunisia juga tidak menyokong hujah Ghannouchi di mana tuntutan terhadap pelaksanaan sistem demokrasi dilihat tidak menghasilkan satu solusi yang dapat memuaskan hati semua pihak. Walaupun rejim autoritarian berjaya ditumbangkan di beberapa negara Arab tetapi perperangan sivil masih tidak dapat dielakkan. Melihat kepada perkembangan perdebatan teoritikal ini, dapat disimpulkan bahawa Islam dan politik itu mempunyai pertalian yang rapat dan tidak dapat dipisahkan walau apa jua keadaan sekali pun kerana Islam sebagai cara hidup merangkumi segala jenis aktiviti sosio-politik manusia di atas muka bumi ini. Seperti yang dihujahkan, terdapat beberapa ayat Quran yang berkait rapat dengan fungsi sistem politik (Quran 3: 159; 4: 59; 60: 1; 60: 8). Ayat-ayat tersebut menganjurkan satu usaha yang bersifat kolektif sesama manusia terutama sekali apabila melibatkan pengurusan politik, sosial, ekonomi, hubungan antarabangsa dan sebagainya.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dibentuk melalui pendekatan kajian perpustakaan. Menurut David E. McNabb (2010: 303), kajian perpustakaan ini melibatkan penggunaan sumber sekunder seperti buku dan bahan penulisan yang diterbitkan atau dalam erti kata lain kajian ini diertikan sebagai metodologi yang melibatkan teks bertulis. Kajian perpustakaan ini juga dihubungkaitkan dengan jenis metodologi seperti analisis kandungan dan ia juga dihujahkan bahawa pendekatan kajian perpustakaan ini adalah satu kebiasaan umum terutama sekali di dalam penyelidikan yang melibatkan bidang-bidang seperti falsafah, teori sosial, undang-undang, dan sejarah (McNabb 2010: 304). Selain itu penyelidikan yang berteraskan pengembangan ilmu politik boleh dikategorikan sebagai penyelidikan asas di dalam bidang sains politik dan tujuan penyelidikan konseptual ini menyumbang secara langsung kepada korpus ilmu politik dan sains sosial secara umumnya (McNabb 2010: 48). Dengan itu kajian ini berpendapat bahawa pendekatan kajian perpustakaan adalah signifikan dan relevan sebagai satu reka bentuk penyelidikan. Data sekunder yang digunakan di dalam kajian ini akan diolah dan diperincikan untuk menelusuri dengan lebih lanjut berkenaan dengan pemikiran politik Ismail Raji al-Faruqi.

PEMIKIRAN POLITIK DI DALAM KARYA ISLAMISASI ILMU

Di dalam karya Islamisasi ilmu, terdapat lebih daripada 50 perkataan “politik” yang diungkapkan oleh Al-Faruqi. Menariknya di sini, Al-Faruqi memulakan bab penulisannya dengan meletakkan nomenklatur politik itu sebagai satu hujah awal. Walaupun karya Islamisasi ilmu Al-Faruqi bukanlah satu *magnum opus* khusus yang membicarakan tentang sistem politik dan kerajaan atau sebagainya namun idea-idea politik Al-Faruqi dapat dikesan melalui kekerapan perkataan yang dimuatkan di dalam

karya tersebut. Ini bermaksud bahawa Al-Faruqi mempunyai gaya yang tersendiri untuk menyampaikan mesej-mesej penting yang boleh disekutukan dengan pemikiran politik beliau yang bersifat abstrak dan kritis. Secara umumnya karya Islamisasi ilmu yang dinukilkilan oleh Al-Faruqi membahaskan tentang persoalan metodologi yang boleh diguna pakai di dalam sistem pendidikan yang menjadikan Islam sebagai satu teras utama untuk memahami kerencaman yang berlaku di dalam dunia Islam pada masa kini. Namun di dalam usaha untuk menjelaskan perihal tersebut Al-Faruqi juga tidak ketinggalan menyatakan pendapat beliau berkenaan dengan pemikiran politik yang boleh dijadikan sebagai satu pembolehubah sosial yang akan membantu dunia Islam untuk melahirkan satu corak pemikiran yang bersifat dinamik dan setara dengan tuntutan semasa yang tidak membelakangi garis-garis shariah.

Di dalam bab awal yang berjudul “Kesan-Kesan Utama Kelesuan”, Al-Faruqi membahaskan berkenaan dengan kondisi ‘ummah itu sendiri yang dilihat semakin berpecah dan beliau meletakkan politik sebagai satu hujah dan juga karakter utama yang menjelaskan perpecahan ‘ummah itu (Al-Faruqi 1982b: 2). Al-Faruqi melontarkan satu pandangan kritikal terhadap usaha kejuruteraan sosio-politik yang diolah oleh pihak kolonial sehingga mengakibatkan ketidaksepadan dan permusuhan yang nyata di antara negara-negara bangsa. Permasalahan seperti identiti sosio-politik diberikan perhatian di mana pentadbir kolonial sering kali menganggu urusan pentadbiran dan institusi politik tempatan di negara-negara yang dijajah. Dari sudut sejarah, penjajah kolonial seperti Inggeris, Belanda, Portugis, dan sebagainya dilihat sebagai satu daya yang mendominasi sebahagian daripada dunia ini. Mereka mempraktikkan kuasa politik mereka dengan cara menjajah penduduk pribumi dan mengeksplorasi hasil-hasil semula jadi yang ada dan penjajah tersebut juga menetapkan satu bentuk pemikiran di mana penjajah kolonial atau Barat ini selayaknya dan bertanggungjawab untuk membawa peradaban dari satu tempat ke tempat yang lain.

Al-Faruqi juga menyatakan bahawa apabila sudah tiba masa untuk pihak kolonial meninggalkan negara jajahan mereka, kuasa politik akan diwarisi secara terus melalui golongan elit tempatan, seperti yang dipercayai oleh Al-Faruqi, yang telah dilatih secara sistematik oleh pendidikan Barat. Implikasi daripada legasi kolonial tersebut membawa kepada ketidakstabilan politik yang akan memecahkan tembok keharmonian sosial di dalam kerangka tempatan untuk jangka masa panjang. Oleh itu, Islam melihat konsep kepimpinan itu dengan teliti seperti yang telah digariskan oleh kebanyakan kitab-kitab politik Islam yang membahaskan secara khusus berkenaan dengan kriteria-kriteria yang perlu diambil kira demi untuk mencapai kestabilan sosio-politik dan keharmonian sangat dan konsep seperti khilafah itu sememangnya sinonim dengan kuasa politik atau seni pemerintahan.

Al-Faruqi berhujah bahawa orang Islam memahami khilafah itu secara langsung sebagai satu konsep politik (Al-Faruqi 1982b: 44). Dengan berpandukan Quran (10:14), Al-Faruqi menekankan bahawa ayat tersebut berkait rapat dengan pengukuhan kuasa politik khilafah. Dalam erti kata lain, Al-Faruqi berpendapat bahawa khilafah memainkan peranan yang penting di dalam kerangka aksi politik (Al-Faruqi 1982b: 45) seperti penglibatan di dalam proses politik yang dikenali sebagai sistem pilihan raya dan aturcara mengangkat sumpah (bai'ah) dan di mana kesemua ini menjurus kepada satu ketetapan iaitu berkhidmat secara langsung di dalam struktur kenegaraan itu dengan memberikan nasihat kepada ketua negara dan mengawasi tingkah laku pemimpin. Selain itu, Al-Faruqi juga dengan jelas berhujah bahawa Islam milarang daripada menarik diri daripada proses politik dan pembinaan peradaban (Al-Faruqi 1982b: 45). Ini adalah kerana Islam beranggapan bahawa politik itu tidak boleh diketepikan kerana ia adalah satu bentuk urusan yang bertepatan dengan agama. Perkara asas yang menjadi sebahagian daripada perbahasan konsep kenegaraan itu adalah kuasa politik. Walaupun teori Barat menawarkan satu solusi yang demokratik iaitu proses pilihan raya sebagai satu mekanisme untuk memilih pemimpin namun Al-Faruqi juga tidak menolak sistem tersebut sepenuhnya kerana beliau percaya bahawa di dalam konteks kenegaraan moden, kuasa politik hanya boleh diperolehi melalui jalan pilihan raya dan khilafah itu hanya boleh berfungsi sepenuhnya jika mereka mempunyai kuasa politik.

Di dalam sub-topik “Pendidikan dan Sains Politik”, Al-Faruqi memberikan pencerahan berkenaan dengan kepentingan dua konsep tersebut. Sebagai salah satu disiplin yang dominan di dalam sains sosial, idea-idea yang berkait rapat dengan sains politik kerap kali dibahaskan oleh para sarjana. Seperti contoh, di dalam bab yang berjudul ‘Ihsa al-‘Ulum, ahli falsafah seperti Al-Farabi memposisikan sains politik sebagai falsafah praktikal yang membekalkan ilmu pengetahuan terhadap perkara yang boleh diketahui oleh manusia dan boleh melakukan sesuatu terhadap perkara tersebut dan dalam erti kata yang lain politik adalah satu seni. Al-Faruqi pula mengkategorikan sains politik sebagai satu bentuk sains yang mempersempit bahawa rumusan kejadian ‘ummah itu (Al-Faruqi 1982b: 73-74). Beliau berpendapat bahawa pendidikan itu berupaya untuk mempamerkan pengalaman pengajaran kepada seseorang individu itu manakala sains politik pula adalah satu daya yang menentukan dan mencorakkan bentuk dan kelakuan sistem sosial. Dalam erti kata yang lain, Al-Faruqi mengiktiraf disiplin sains politik kerana beliau percaya bahawa disiplin tersebut dapat mendidik masyarakat untuk melihat lebih dalam dan kritikal berkenaan dengan persoalan pengolahan kuasa itu. Dikenali sebagai disiplin yang mengkaji tentang politik mengikut tertib akademik, Al-Faruqi berpendapat bahawa sains politik adalah signifikan dan berkait rapat dengan sains tingkah laku manusia di mana ia membawa kepada aplikasi hipotesis dan pandangan mereka secara langsung.

Sains politik, seperti yang dijelaskan oleh Al-Faruqi, telah menggariskan dua kelemahan utama yang dihadapi oleh ‘ummah iaitu bagaimana seseorang individu di dalam ‘ummah itu dibentuk dan juga prestasi masyarakat di dalam dunia Islam yang dilihat bercanggah dengan ajaran Islam yang sebenar. Fenomena kehidupan pada masa kini memperlihatkan dengan jelas berkenaan dengan kelemahan masyarakat Islam seperti korupsi dan perubahan yang berlaku secara tiba-tiba yang menjadi satu wabak kepada ‘ummah. Al-Faruqi menegaskan bahawa sains politik ini perlu dikaji dan ditelusuri dengan lebih dalam dengan mengeluarkan nilai-nilai Islam yang terdapat di dalam disiplin tersebut. Sehubungan itu, Al-Faruqi mencadangkan satu landasan baharu yang dikenali sebagai sains politik Islam di mana disiplin ini dapat melihat permasalahan yang dihadapi oleh ‘ummah dengan menggunakan pendekatan yang kritikal. Oleh itu, pembaharuan yang berlaku di dalam sains politik ini adalah satu alternatif utama di mana hujah-hujah yang relevan dan bersandarkan nilai-nilai Islam dapat dijadikan sebagai rujukan utama yang akan membantu ‘ummah untuk meluaskan agenda sosio-politik mereka.

PEMIKIRAN POLITIK DI DALAM KARYA TAWHID

Di dalam karya Tawhid, Al-Faruqi memuatkan pandangan politik beliau di dalam Bab Sembilan yang berjudul “Prinsip Urutan Politik”. Al-Faruqi memulakan perbahasan berkenaan politik dengan memberikan fokus terhadap konsep Tawhid itu. Beliau berhujah bahawa Tawhid itu merupakan satu landasan umum yang merangkumi ‘ummah di atas muka bumi ini dan beliau menyimpulkan bahawa ‘ummah ini terhasil daripada persetujuan sebulat suara di antara manusia yang tidak bergantung ke atas aspek warna kulit mahupun identiti etnisiti itu (Al-Faruqi 1982a:141).

Beliau berpendapat bahawa jikalau seseorang di kalangan ‘ummah itu memiliki ilmu, kuasa, dan sumber seperti makanan dan sebagainya adalah menjadi tanggungjawab mereka untuk berkongsikan perkara tersebut dengan saudara mereka yang dilihat serba kekurangan. Dan urutan kejadian manusia itu adalah di mana mereka mentadbir urusan kehidupan mereka dan orang lain dengan menyisipkan nilai-nilai dan prinsip Islam di dalam ‘ummah dan Shariah dijadikan sebagai satu punca kuasa yang dominan yang akan memecahkan tembok perbezaan yang wujud di kalangan manusia dan juga sebagai panduan sosial yang akan mengiringi mereka ke jalan yang diredhai Tuhan.

Di dalam hal ini, Al-Faruqi juga menyatakan bahawa kewujudan ‘ummah ini tidak berpihak kepada bangsa, kewilayah, bahasa, kedaulatan politik dan ketenteraan, dan juga episode sejarah yang lepas dan Al-Faruqi percaya bahawa Islam adalah satu solusi yang dominan yang akan mengatasi karakter-karakter ciptaan manusia ini. Bagi Al-Faruqi, sesiapa yang memilih Islam sebagai agama mereka dan memilih untuk mengikuti ketetapan yang telah diwahyukan maka mereka ini tergolong di dalam ruang lingkup ‘ummah dan selagi mana sesuatu peraturan itu ditetapkan ke atas

manusia itu tidak bercanggah dengan nilai-nilah Shariah maka mereka perlu akur dengan ketetapan yang sedemikian.

Dari sudut Tawhid dan khilafah pula, Al-Faruqi mendefinisikan ‘ummah sebagai satu agen atau wakil kepada pembinaan dan pembaharuan dunia dengan memenuhi kehendak Ketuhanan (Al-Faruqi 1982a: 142). Di dalam pemikiran politik Islam, konsep seperti khilafah ini kerap kali dibahaskan dan diberikan nafas baharu dengan mewujudkan satu hubung kait yang jelas di antara pandangan Islam terhadap konsep khilafah itu. Tokoh Islam terkenal seperti Al-Ghazali, melalui pandangan politik beliau, berhujah bahawa ‘imam adalah wakil Tuhan yang dikenali sebagai khalifah yang mempunyai tanggungjawab yang besar di atas muka bumi ini yang berfungsi untuk membaiki kehidupan sosial sesama manusia (Rusli 2004: 119). Manakala, menurut Al-Faruqi pula, ‘ummah itu seakan hampir sama dengan negara yang membawa kepada maksud kedaulatan dan semua organ kenegaraan dan kuasa yang mempunyai kedaulatan (Al-Faruqi 1982a: 143).

Pandangan Al-Faruqi memperlihatkan bahawa konsep kenegaraan itu tidak sesekali boleh disisihkan di dalam usaha untuk memahami urutan prinsip politik itu. Seperti sarjana sains politik, sejarah dan falsafah yang lain, Al-Faruqi juga cenderung untuk mengetengahkan konsep kedaulatan sesuatu ‘ummah itu dengan bersandarkan kepada idea kenegaraan. Beliau menambah bahawa ‘ummah itu boleh dirujuk lebih tepat kepada istilah khilafah berbanding negara. Ini adalah kerana konsep khilafah itu, dihujahkan, dekat dengan tradisi Islam dan Tawhid dan ia juga adalah hasil daripada intipati Quran itu sendiri. Manakala konsep negara atau kenegaraan ini adalah satu fenomena moden dan konsep negara moden itu, menurut Al-Faruqi, adalah satu kefahaman dan tafsiran Barat.

Al-Faruqi juga menekankan pemahaman beliau terhadap konsep khilafah ini dengan mencadangkan satu analisa yang substantif iaitu dengan mewujudkan persoalan yang berkaitan dengan implikasi Tawhid terhadap teori politik (Al-Faruqi 1982a: 143). Di dalam persoalan sains politik Islam, konsep Tawhid dijadikan sebagai satu kayu ukur asas dan utama untuk memahami ragam dan tingkah laku sesuatu masyarakat itu. Malah Tawhid juga adalah satu tiket yang tidak boleh diketepikan di mana perakuan terhadap Tuhan perlu lah disandarkan terlebih dahulu dan Tawhid juga membawa kepada identifikasi yang kukuh kerana ia membezakan sesuatu pendekatan yang digunakan di dalam disiplin ilmu Islam dan Barat. Menurut Al-Faruqi, sistem khilafah ini terbahagi kepada tiga persetujuan iaitu persetujuan visi dan penglihatan, persetujuan kuasa, dan persetujuan pengeluaran. Ketiga-tiga perkara tersebut membawa kepada satu usaha untuk mewujudkan kesedaran ‘ummah di mana Al-Faruqi melihat bahawa adalah penting untuk manusia melengkapkan diri mereka

dengan satu metodologi khusus untuk mendekati sesuatu permasalahan yang timbul di dalam kerangka kemasyarakatan itu.

Al-Faruqi juga menekankan bahawa pendidikan itu amat signifikan di dalam konteks ‘ummah kerana baginya pendidikan itu adalah satu senjata dan benteng bagi mempertahankan ‘ummah itu daripada terus diserang oleh musuh (Al-Faruqi 1982a: 152). Di dalam sub-topik yang berjudul “Tawhid dan Kuasa Politik”, Al-Faruqi membahaskan tentang isu yang melanda dunia Islam. Beliau mengkritik sesetengah blok Islam di Timur Tengah yang dilihat tidak seiring dengan tuntutan Islam yang jauh lebih baik dan tidak ketinggalan juga majoriti perlombagaan di dunia Islam hanya menyatakan Islam sebagai agama yang dipraktikkan di dalam sesuatu negara itu tetapi elemen-elemen Barat tetap kelihatan mendominasi di sesuatu sudut kenegaraan itu. Malah Al-Faruqi juga melihat bahawa ideologi politik kontemporari seperti nasionalisme dijadikan sebagai satu unit kehidupan yang diterapkan ke dalam sistem politik sesuatu negara itu dan bagi beliau, nasionalisme itu adalah satu jenama Barat yang dijadikan sebagai satu sumber inspirasi kebanyakan orang ramai.

Bagi Al-Faruqi, beliau berhujah bahawa tidak ada negara Islam, dari sudut mobilisasi struktur kenegaraan, yang masih mengekalkan tradisi yang pernah ditonjolkan oleh Nabi S.A.W pada suatu ketika dahulu dan ciri-ciri yang paling buruk pernah melanda dunia Islam adalah kemuflisan sistem pendidikan. Al-Faruqi menutup perbahasan beliau mengenai politik di dalam sub-topik “Perjanjian Kuasa Politik” di mana beliau memfokuskan kepada posisi kepimpinan di dalam ‘ummah (Al-Faruqi 1982a: 154-155). Beliau menyatakan bahawa persediaan dan kesiapsiagaan pemimpin itu adalah penting untuk memastikan perencanaan agenda perubahan ‘ummah itu dapat direalisasikan dan sistem khilafah itu perlu lah mempunyai kesedaran dan dapat mengerakkan dunia Islam secara kolektif. Dengan itu, konsep Tawhid sudah menjadi sebatи dengan pemikiran politik Al-Faruqi di mana Tawhid adalah syarat utama yang dijadikan sebagai pegangan substantif yang merangkumi tindakan sosiopolitik sesama manusia itu.

KESIMPULAN

Kesimpulan dari kajian ini menguatkan hujah bahawa politik adalah sebuah konsep yang sangat signifikan di dalam karya yang dinukilkhan oleh Al-Faruqi di mana ianya mempunyai nilai-nilai tertentu yang boleh ditakrifkan sebagai satu sistem sokongan untuk memahami polemik yang melanda dunia Islam. Pemikiran politik Al-Faruqi diperhalusi lagi apabila beliau melontarkan beberapa kritikan terhadap masalah-masalah utama yang dihadapi oleh dunia Islam pada masa kini yang dilihat berpunca daripada sistem sosiopolitik dan pendidikan yang telah dicemari oleh elemen-elemen yang didominasi secara berterusan dan sistematik oleh Barat melalui kerangka kolonialisme yang menjurus kepada penjajahan intelektual. Al-Faruqi juga dengan

jelas menegaskan bahawa Islam dan politik sememangnya tidak boleh dipisahkan kerana di dalam konteks kenegaraan moden, politik memainkan peranan yang tersendiri yang akan memastikan hala tuju sesuatu masyarakat itu. Melalui kuasa politik yang direncanakan, dunia Islam mampu untuk berdiri dengan sendirinya dan Islam akan terus tersebar sebagai agama yang menjamin kestabilan. Al-Faruqi menyemai pemikiran politik beliau dengan menjadikan Al-Quran sebagai rujukan utama yang memberikan peringatan secara umum dan khusus kepada orang ramai berkenaan dengan kedudukan mereka di dunia ini yang berkait rapat dengan soal kepimpinan politik. Dihujahkan lagi oleh Al-Faruqi bahawa pengabaian terhadap konsep Tawhid akan memberikan kesan secara langsung ke atas pengolahan kuasa politik dan ini terjadi apabila Islam tidak lagi dijadikan sebagai satu cara hidup yang meliputi segala aspek yang merangkumi ruang-ruang sosial, politik, ekonomi, dan sebagainya.

RUJUKAN

- Al-Faruqi, Ismail Raji. (1982a). *Al-Tawhid: Its implications for thought and life*. Herndon: International Institute of Islamic Thought.
- _____ (1982b). *Islamization of knowledge: General principles and work plan*. Herndon: International Institute of Islamic Thought.
- Ford, F. P. (1993). Isma'il Al-Faruqi on Muslim-Christian dialogue: An analysis from a Christian perspective. *Islam and Christian-Muslim Relations*, 4(2): 268-282.
- McNabb, David E. (2010). *Research methods for political science: Quantitative and qualitative approaches* (2nd Edition). London: Routledge.
- Moten, Abdul Rashid. (1990). Islamization of knowledge: Methodology of research in political science. *The American Journal of Islamic Social Science*, 7(2): 161-175.
- _____ (1993). Politics: An Islamic perspective. *Intellectual Discourse*, 1(1): 28-45.
- _____ (1996). *Political science: An Islamic perspective*. London: Macmillan.
- Najjar, F. M. (1958). Al-Farabi on political science. *The Muslim World*, 48(2): 94-103.
- Nazek, J. (2013). Democracy in modern Islamic thought. *British Journal of Middle Eastern Studies*, 40(3): 324-339.
- Rusli, K. (2004). Politics in the works of al-Ghazzali. *Intellectual Discourse*, 12(2): 113-136.